



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 14 OGOS 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TAK SEGAN JUAL IKAN SUNGAI BIARPUN DIANGGAP 'BUSUK', DALAM NEGERI, UM -34	LAIN-LAIN
2.	TAYLOR'S UNIVERSITY PERKENAL LADANG SEPARA AUTOMATIK, IPT, SH -30	
3.	UPM, KEMENTERIAN EKONOMI LAHIR LEBIH RAMAI USAHAWAN TANI, K2, KOSMO -30	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

14/8/2023

UTUSAN

DALAM

34

MALAYSIA

NEGERI

Tak segan jual ikan sungai biarpun dianggap 'busuk'

Oleh **NORHAFIZAN ZULKIFLI**
utusannews@mediamulia.com.my

JERANTUT: Minat "mendalam terhadap dunia perniagaan tidak menghalang seorang wanita berniaga ikan sungai di Pasar Besar Jerantut di sini meskipun kerja itu dianggap 'kotor' dan 'busuk' oleh wanita seusianya.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Noor Zarifah Mohamad Basri, 22, berkata, selain kerja itu mungkin dianggap tidak mempunyai taraf, wanita lain seusianya juga dilihat lebih berniat bekerja di pejabat, memakai alat solek dan berpakaian cantik serta berkasut tumit tinggi.

"Tapi saya lebih selesa begini dan sudah mula berniaga sejak lepas habis belajar lagi iaitu pada 2018 sebelum memasuki alam perkahwinan pada 2021.

"Saya berkecimpung dalam bidang ini selain untuk meneruskan legasi perniagaan keluarga, ia juga dapat memberikan pendapatan yang cukup untuk kesejahteraan dan memban- tu pendapatan suami yang bekerja di Majlis Daerah Jerantut.

"Dianggarkan sehari saya

gai pembekal ikan sungai dari sangkar diusahakan di Sungai Pahang di Kampung Pulau Mansok.

Katanya, selepas tamat tingkatan lima, dia ada menyambung pengajian dalam bidang perundangan di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

"Sekejap sahaja saya pergi sambung belajar dan saya ambil keputusan pulang dan berniaga sebab saya rasa diri lebih serasi dalam bidang ini," kata ibu kepada seorang cahaya mata berusia setahun enam bulan itu.

Katanya, empat tahun terlatih dalam perniagaan ikan sungai banyak mengajarnya selok-belok perniagaan terbabit.

"Berniaga ikan sungai seperti patin dan tilapia ini ada pasang surutnya. Saya juga pernah mengalami kerugian besar kerana ikan tilapia banyak mati dan tidak dapat dijual.

"Namun setakat ini walaupun dalam keadaan ekonomi yang semakin mencabar, saya masih dapat teruskan perniagaan ini tambahan pula saya sudah mempunyai pelanggan tetap," katanya.



NOOR ZARIFAH MOHAMAD BASRI memegang ikan patin yang dijualnya di Pasar Besar Jerantut di Jerantut, Pahang. - UTUSAN/NORHAFIZAN ZULKIFLI

akan memperoleh keuntungan

kasar sekitar RM200 sehingga RM300 di mana dengan keuntungan yang diperoleh ini dia patlah gunakan untuk membeli keperluan harian, membayar bil-bil dan pinjaman kereta," ka- tanya di sini semalam.

Noor Zarifah berkata, perniagaan Z Rie Enterprise yang diusahakan itu adalah hasil bantuan kedua ibu bapanya selain dibantu abang, Muhammad Zarif, 24, yang bertindak seba-

Taylor's University memperkenalkan ladang separa automatik

Taylor's University mewujudkan Taylor's Urban Farm (TUF) yang berkeluasan satu ekar untuk menjalankan kajian mengenai transformasi teknologi makanan sebagai peranan bagi meningkatkan keseluruhan pemakanan dan kelestarian bekalan Malaysia menjelang 2030.

Timbalan Naib Canselornya, Profesor Dr Pradeep Nair berkata, TUF akan menempatkan lebih 20 jenis sayur-

sayuran, buah-buahan dan herba melalui tiga sistem penanaman yang berbeza iaitu *vertical towers*, *grow beds* dan *autopots*.

Tambah beliau, bagi menyokong amalan lestari, ladang bandar tersebut melaksanakan sistem gelung tertutup yang mengurangkan pergantungan kepada input luaran dan mengukuhkan kitaran nutrien menerusi kitar semula air untuk menanam tumbuhan.

"Setiap tahun ladang berkenaan mempunyai kapasiti untuk menanam dan menuai jumlah keluaran lebih daripada 4,000 kilogram (kg) hasil segar, organik dan bebas peracun rosak.

"Sistem tersebut meminimumkan bahan seperti racun perosak dan baja daripada mencemari air bawah tanah dan sumber air permukaan tidak seperti pertanian tradisional.

"Ladang ini separa automatik melalui penggunaan sistem Internet of Things (IoT) Nido One yang tepat kerana boleh mengawal dan mengesan secara automatik beberapa faktor dalam sistem penanaman hidropnik seperti tahap pH air, larutan nutrien, parameter iklim suhu serta kelembapan," katanya pada sidang media selepas majlis Perasmian Taylor's



Pradeep (empat dari kiri) bersama kakitangan dan siswa Taylor's University yang terlibat dalam pengurusan TUF.

sayur-sayuran, buah-buahan dan herba yang ditanam dalam kampus yang sama.

Secara tidak langsung para pelajar juga dapat mengetahui tentang amalan hijau yang mementingkan sosial, cara mendapatkan bahan, menjalankan penilaian deria, memenuhi keperluan pelangan dengan keperluan pemakanan yang berbeza.

Urban Farm di Subang Jaya, Selangor, baru-baru ini.

Secara keseluruhannya 80 peratus daripada hasil yang ditanam di TUF akan dibekalkan ke dapur akademik universiti membolehkan pelajar dari Institut Kulinar Taylor's dengan Pusat Pengajian Makanan dan Gastronomi mengakses bekalan segar serta berkhasiat seperti

Taylor's Urban Farm seluas satu ekar yang terletak di Taylor's University, Subang Jaya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/8/2023	KOSMO	K2	30



PARA peserta akan mengikuti latihan pertanian berasaskan teknologi melalui program kerjasama Kementerian Ekonomi dan Universiti Putra Malaysia itu.



RAFIZI menuai hasil pertanian sebagai simbolik pelancaran program IPR-INTAN.

UPM, Kementerian Ekonomi lahir lebih ramai usahawan tani

PERTANIAN merupakan satu bidang yang penting untuk diterokai kerana dapat memenuhi agenda keterjaminan makanan negara.

Oleh itu, generasi muda terutamanya amat digalakkan untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian dan menjadi usahawan tani.

Ini kerana, bidang tersebut bukan sahaja dapat menjamin sumber makanan sentiasa mencukupi, malah turut membantu mereka merajana pendapatan sekali gus dapat mengembangkan lagi ekonomi negara.

Dalam usaha menggalakkan lebih ramai terlibat dalam bidang tersebut, Universiti Putra Malaysia (UPM) melancarkan Pusat Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) Usahawan Tani (IPR-INTAN) di bawah Kementerian Ekonomi untuk meningkatkan pendapatan rakyat melalui teknologi pertanian.

Program yang dilancarkan oleh Menteri Ekonomi, Mohd. Rafizi Ramli mendapat peruntukan daripada Kementerian Ekonomi bagi membina infrastruktur pertanian moden iaitu sebanyak RM31 juta serta menyasarkan peserta yang terdiri daripada 40 peratus graduan universiti serta 60 peratus peserta IPR dan E-Kasih di bawah kementerian itu.

Naib Canselor UPM, Datuk Prof. Dr. Mohd. Roslan Sulaiman berkata, melalui inisiatif itu, bukan sahaja melahirkan lebih banyak usahawan tani yang berkemampuan, tetapi juga memperbanyak penghasilan makanan di dalam negara terutamanya dalam



RAFIZI (dua dari kiri) berbual bersama Mohd. Roslan (tiga dari kanan) sewaktu majlis pelancaran program IPR-INTAN di UPM, Serdang, Selangor baru-baru ini.

sektor pertanian dan akuakultur.

"Peserta akan berpeluang untuk mempelajari teknologi pertanian moden yang akan membuka jalan untuk mereka memajukan industri pertanian.

"Selain itu, mereka juga membantu memastikan keterjaminan makanan, memperkuat ekonomi negara dan pada masa yang sama, memberikan peluang kepada rakyat Malaysia untuk memiliki kerjaya yang bermakna dalam industri pertanian," katanya.

Tambahnya, inisiatif itu adalah sejajar dengan Pelan Strategik UPM 2021-2025 iaitu menjadikan UPM sebagai pusat rujukan pengembangan pertanian tropika iaitu menggembleng pakar pertanian dalam mempergiat aktiviti pengembangan pertanian kepada masyarakat dan komuniti.

Program tersebut turut memperkenalkan teknologi pertanian pintar yang akan memaksimumkan hasil pertanian dan ternakan dengan

menggunakan sumber secara lebih efisien.

Dalam pada itu, program tersebut menawarkan tempat kepada 130 orang pelatih untuk mengikuti latihan pertanian berasaskan teknologi selama tempoh satu hingga satu setengah tahun serta tumpuan latihan adalah dalam sektor tanaman pertanian dan akuakultur.

Pengarah Pusat Hubungan dan Jaringan Industri (CIRNeT), Prof. Dr. Shamsul Bahri Md. Tamrin berkata, projek Pusat Kecemerlangan Industri Pertanian IPR-INTAN@UPM ini akan menjadi pemacu yang signifikan dalam meningkatkan hubungan serta kerjasama antara universiti dan industri pertanian.

"Kami berharap projek ini dapat membantu dalam mentransformasi sektor pertanian Malaysia dengan mencipta ekosistem pertanian yang lebih maju dan berteknologi tinggi serta melalui IPR-INTAN@UPM ini dapat menjadi rujukan utama industri pertanian, baik dari segi inovasi, pengetahuan atau latihan," jelasnya.

Sementara itu, graduan UPM, Ummu Hani Abdul Razak, 23, berkata, minatnya dalam dunia perniagaan mendorongnya menyertai IPR ini dan menjadi peserta dalam bidang pertanian fertisasi walaupun dirinya merupakan graduan dalam bidang sains biologi.

"Di kampung saya ada tanah. Jadi, saya akan menuntut ilmu pertanian di sini bermula September 2023 untuk menjadi usahawan tani dan memanfaatkan ilmu ini pada tanah yang ada, mungkin melalui tanaman cili, melon atau salad," katanya.